



MAKLUM BALAS MEDIA

3 September 2012

Laporan Akhbar : Utusan Malaysia (Forum)

Tarikh: 29 Ogos 2012

PER : RUMAH PANGSA SIMPANG KUALA TIDAK TERURUS

Dengan hormatnya pandangan “PENDUDUK PRIHATIN, Alor Setar Kedah dalam ruangan Forum bertarikh 29 Ogos 2012 adalah dirujuk.

Ingin dimaklumkan bahawa Rumah Pangsa Simpang Kuala adalah termasuk dalam senarai pelaksanaan program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS7), My Beautiful Neighbourhood) atau Kejiranan Indah.

Program NBOS ini di Rumah Pangsa Simpang Kuala ini akan melibatkan penambahbaikan dan baik pulih kawasan perumahan, program kebersihan, pengindahan dan penyelenggaraan kemudahan awam.

Di bawah program ini, kawasan rumah Pangsa Simpang Kuala akan di naik taraf dan di baik pulih menjadi kawasan perumahan yang selamat, bersih dan ceria untuk didiami menerusi pengisian aktiviti, kerja-kerja menaik taraf dan pemulihan membaiki prasarana dan kemudahan awam adalah seperti berikut:

Menaik taraf dan pemasangan lampu jalan, penyelenggaraan bangunan, mengecat, membaiki bumbung, penyelenggaraan tangki air dan pili bomba (hydrant), mengecat semula bahu jalan dan tempat letak kereta, membaiki

dan membersihkan sistem perparitan, pembersihan dan meningkatkan kekerapan kutipan sampah, menaik taraf landskap dan taman permainan kanak-kanak.

Di samping itu juga penglibatan sosial melalui badan NGO juga terlibat melalui program 1M4U (1 Malaysia for Youth) yang akan mengadakan beberapa kempen Keselamatan dan Kebersihan di kawasan tersebut.

Kerja-kerja menaik taraf dan pemulihan untuk 4200 pemilik Rumah Pangsa Simpang Kuala, Alor Setar Kedah ini dijangka bermula pada pertengahan September ini dan berakhir pada November ini.

Projek NBOS7 Kejiranan Indah telah dilancarkan pada 28 Julai 2012 oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Seri Chor Chee Heung, merupakan salah sebuah inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat dengan projek-projek atau idea-idea yang kreatif melalui kesepakatan antara pelbagai kementerian, jabatan atau agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta. Projek-projek dilaksanakan dengan segera dalam masa 2 hingga 3 bulan, berimpak tinggi, dan kos perbelanjaan bagi projek ini ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.

Dikeluarkan oleh

Jessylina Mat Lazim

Ketua Komunikasi Korporat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

jessy@kpkt.gov.my

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.